

Orang ramai digalak sertai Sambutan Penyu

Borneo Divers, UMS di Pulau Mabul

DE 4.11.2014 3
KOTA KINABALU: Selepas kejayaan program pertama tahun lepas, Borneo Divers and Sea Sports (Sabah) Sdn Bhd bersama Universiti Malaysia Sabah (UMS) menganjurkan Sambutan Penyu Borneo Divers di Pulau Mabul, Semporna.

Program empat hari bermula pada Isnin itu ditaja bersama oleh 1Borneo Ballroom Sdn Bhd dan The Borneo Connections Sdn Bhd, selain mendapat sokongan Sipadan Mabul Resort, Jabatan Hidupan Liar Sabah, Taman-

taman Sabah dan WWF Malaysia.

“Kami berharap orang ramai akan menyertai kami sebagai sukarelawan eko sama ada sebagai pengesan penyu membantu penyelam atau pembantu penyelidik di atas kapal penyelidikan untuk membantu ahli biologi penyu laut mengumpul data. Kami percaya, sektor swasta boleh bergandingan dengan agensi kerajaan dan institusi akademik untuk memulihara sumber alam di Sabah, dan pada masa sama memastikan industri pelancongan berkembang,” katanya.